

Headline	Kepentingan menabung untuk pendidikan anak		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	11 Jun 2013	Circulation	192,982
Section	Nasional	Readership	1,521,000
Page No	27	ArticleSize	391 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,237
Journalist	Faizatul Farhana Farush Khan	PR Value	RM 39,712
Frequency	Daily		



Kepentingan menabung untuk pendidikan anak

» Standard Chartered Saadiq beri panduan urus kewangan

Oleh Faizatul Farhana
Farush Khan
ffarhana@mediaprima.com.my

► Batu Kikir

Semangat menabung dalam kalangan ibu bapa bagi keperluan pendidikan anak perlu ada supaya simpanan berkenaan dapat digunakan sebaik mungkin terutama ketika mereka hendak melanjutkan pengajian.

Pengurus Kanan Pengedaran Standard Chartered Saadiq, Ramadhan Mohd Sani, berkata sikap suka menabung juga menjadikan ibu bapa lebih berdisiplin membuat simpanan bulanan dan menanam sifat berjimat cermat.

Tawaran program pengajian yang pelbagai menjadikan kos pembiayaan meningkat dan keadaan itu memerlukan simpanan bermula sejak awal lagi.

“Kesungguhan mereka menabung juga memberi pendidikan kepada anak masing-masing supaya dapat menguruskan wang secara berhemah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas memberikan ceramah Bijak Menabung

Kem Bijak TaHa di Kem Pusako Hassan Basir di sini, baru-baru ini.

Program anjuran Lembaga Tabung Haji dan BH disertai 175 murid berumur antara sembilan hingga 12 tahun dari seluruh negara.

Berkonsepkan nilai murni
Kem itu juga menekankan aktiviti berkonsepkan nilai murni yang perlu ada untuk bergelar murid cemerlang sama ada dalam bidang akademik atau sahsiah diri seperti kerjasama, tolak-ansur, sedia membantu, berdikari, mementingkan agama dan rajin berusaha.

Sepanjang kem dua hari itu, peserta berpeluang menjayakan pelbagai aktiviti seperti Bijak Kendiri, Solat Berjemaah, Ceramah Bijak Menabung, Permainan Cabaran, Kaedah Membaca

Kompas, Malam Seni Persembahan Islamik, Operasi Burung Hantu, Qiamullail, Perhimpunan

Patriotik dan Senamrobik, Ikhtiar Hidup di dalam Hutan serta Bijak Agama bersama Imam Muda Nuri.

Minat kerjasama

Ramadhan berkata, Standard Chartered Saadiq berminat mengadakan kerjasama dengan pengajian kem itu kerana program yang diketengahkan cukup baik dalam melahirkan generasi masa depan terbaik.

Pada sesi ceramah Bijak Menabung, beliau berkata, pihaknya berkongsi kepentingan penyimpanan dan pelaburan supaya mereka mempunyai kesedaran serta minat menabung pada awal usia.

“Sebagai sebuah organisasi perbankan, kami mahu mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai tiga perkara iaitu Simpanan, Belanja dan Kongsi yang cukup penting dalam membantu memudahkan pengurusan kewangan,” katanya.

Headline	Kepentingan menabung untuk pendidikan anak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	27	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	Faizatul Farhana Farush Khan	AdValue	RM 13,237
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,712

“

*Kesungguhan mereka
menabung juga
memberi pendidikan
kepada anak masing-
masing supaya dapat
menguruskan wang
secara berhemah”*

Ramadhan Mohd Sani,
Pengurus Kanan Pengedaran
Standard Chartered Saadiq



Ramadhan (kiri) menyampaikan ceramah **mengenai Bijak Menabung Kem Bijak TaHa** di Kem Pusako, Hassan Basir, Batu Kikir, Negeri Sembilan.

[FOTO AMIRUL NUBLI WAN AHMAD / BH]